

Headline	Perkenal produk Bumiputra di London	Language	MALAY
Date	19. Jan 2009	Page No	28
Media Title	Harian Metro	Article Size	92 cm2
Section	Bisnes	Frequency	Daily
Circulation	336603	Color	Full Color
Readership	2192000	AdValue	1997.67



Perkenal produk Bumiputera di London

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan melancarkan bazar perdagangan di London pada 30 Januari ini dalam usaha memperkenalkan produk usahawan Bumiputera di pasaran antarabangsa.

Menteri berkenaan, Datuk Noh Omar, berkata kementerian juga bercadang membuka bazar seumpama itu di Qatar, Norway, Dubai, China dan Mesir secara berperingkat bagi memperkenalkan produk makanan, kecantikan dan kesihatan dengan kaedah pembungkusan dan penjenamaan yang standard.

"Pembukaan bazar ini adalah cabaran kepada usahawan Bumiputera mengeluarkan produk bermutu tinggi keluaran Malaysia yang setaraf dengan barangan antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerak Usahawan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) Hilir Perak di Teluk Intan, Perak, malam kelmarin.

Beliau berkata, kementerian memperuntukkan RM10 juta bagi mempromosi produk Bumiputera menerusi media cetak dan elektronik dengan kerjasama Sirim Berhad, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Noh berkata, setakat ini kementerian menubuhkan 40 program gerak usahawan di seluruh negara dan jumlah itu akan ditambah dari semasa ke semasa dalam usaha melahirkan usahawan yang berpotensi.